**JABATAN DAERAH TUTONG**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

| BILANGAN TAWARAN | TAJUK TAWARAN | YURAN TAWARAN |
|---|---|---|
| JDT/KPD/08/2026-2027 | **RENOVATION, UPGRADING AND REPAINTING WORKS TO BALAI RAYA KAMPUNG MERIMBUN TUTONG** | **$5.00** |

**SYARAT-SYARAT TAWARAN:**

**KRITERIA PEMBORONG**
- Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

**TEMPAT MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN**
- Dokumen-dokumen terperinci tawaran serta penerangan lanjut boleh diperolehi setelah bayaran **secara *online* Yuran Tawaran (Document Fee) berjumlah $5.00 (tidak dikembalikan/*non-refundable*) dibuat di Unit Kewangan dan Stor, Tingkat 2, Jabatan Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Tutong TA1141, Brunei Darussalam** pada setiap hari bekerja sahaja iaitu:

| | |
|---|---|
| **ISNIN HINGGA KHAMIS** | **8.00 Pagi hingga 12.00 Tengah Hari** dan **1.30 Petang hingga 3.00 Petang** |
| **SABTU** | **8.00 Pagi hingga 12.00 Tengah Hari** dan **1.30 Petang hingga 3.00 Petang** |

**TARIKH TUTUP MENGHADAPKAN TAWARAN**
- Tawaran hendaklah dikembalikan tidak lewat pada **Hari Isnin, 23 November 2026 jam 2.00 petang.**

- Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

**TATACARA MENGHADAPKAN TAWARAN**
- Tawaran mestilah dihantar dengan borang-borang tawaran yang telah disediakan dan lampiran-lampiran yang diperlukan dalam **LAMPIRAN A** dengan **LENGKAP** DAN **TERATUR.**

- Tawaran hendaklah dihadapkan menggunakan sampul surat biasa yang **dimeterai dan ditutup rapi (sealed) berserta dengan salinan resit yuran tawaran serta ditulis bilangan, tajuk tawaran, dan tarikh tutup tawaran di bahagian atas sebelah kiri sampul surat** tanpa menunjukkan identiti pemborong kepada:

**PENGERUSI**
**JAWATANKUASA SEBUTHARGA**
**JABATAN DAERAH TUTONG**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**
**TUTONG TA1141**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

- Tawaran hendaklah dimasukkan ke **Peti Sebutharga, Tingkat 4, Jabatan Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.**

**SYARAT-SYARAT LAIN**

- Pemborong hendaklah terlebih dahulu untuk membaca, memahami dan meneliti semua isi kandungan di dalam Dokumen Tawaran ini.

- **Pemborong/ Syarikat yang mengikuti tawaran ini dimestikan untuk melawat ke kawasan projek berkenaan.**

- Pemborong hendaklah memastikan jumlah yang dinyatakan adalah tepat dan sebarang kesilapan dan kerugian disebabkan salah tafsir harga tidak akan dilayan selepas tawaran telah dibuka.

- Pemborong hendaklah memastikan jumlah yang dinyatakan di dalam Borang Spesifikasi Tawaran adalah selaras dengan jumlah yang dinyatakan di Borang Pengakuan Syarikat.

- Pemborong hendaklah memastikan jumlah dalam perkataan adalah sama dengan harga tawaran dalam angka. **Jika tidak sama, tawaran dianggap tidak sah.**

- Pemborong hendaklah mengambil maklum bahawa sekiranya pemborong yang berjaya mendapat tawaran mempunyai hutang dengan Kerajaan, maka pemborong berkenaan hendaklah bersetuju bagi hutang-hutang berkenaan dibayar kepada Kerajaan melalui potongan bayaran perkhidmatan atau perbekalan yang ditawarkan.

- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.